

## KATA GANTI NAMA

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. "Ayah, \_\_\_\_\_ mendapat tempat yang pertama dalam peperiksaan," kata Wani dengan gembira.  
A saya  
B aku  
C engkau  
D kamu
2. Ahmad murid yang berdisiplin. \_\_\_\_\_ sentiasa mematuhi peraturan di sekolah.  
A Mereka  
B Baginda  
C Dia  
D Beliau
3. Datuk Rosli ialah pegawai daerah di kawasan itu. \_\_\_\_\_ telah menderma wang sebanyak enam ribu ringgit untuk membina balai raya itu.  
A Patik  
B Dia  
C Beliau  
D Mereka
4. Menurut para peserta ekspedisi itu, \_\_\_\_\_ akan tiba di puncak Gunung Tahan pada tengah hari ini.  
A kamu  
B kita  
C mereka  
D dia
5. "\_\_\_\_\_ mesti sentiasa menjaga nama baik kampung ini," kata ketua kampung kepada anak buahnya.  
A Saya  
B Beta  
C Ia  
D Kita
6. "Betulkah Pak Cik Cheong itu datuk \_\_\_\_\_?" tanya Chitra kepada Soo.  
A awak  
B mereka  
C kami  
D encik
7. "\_\_\_\_\_ hendak pergi berkelah di Air Terjun Sekayu," kata Ah Meng dan Raju kepada Badrul.  
A Engkau  
B Tuanku  
C Saudara  
D Kami
8. Sultan Ahmad berasa sangat sedih kerana puteri \_\_\_\_\_ diserang penyakit ganjil.  
A patik  
B baginda  
C dia  
D nya

9. "Janganlah \_\_\_\_\_ dihukum, tuanku," rayu tukang masak istana kepada Sultan Azlan.
- A hamba  
B aku  
C saya  
D beta
10. "Bilakah \_\_\_\_\_ sampai?" tanya Encik Lim kepada kawannya.
- A kita  
B engkau  
C cik  
D dia
11. Yoke Meng berasa gelisah kerana terlupa membawa buku latihan Bahasa Malaysia \_\_\_\_\_.
- A dia  
B ia  
C baginda  
D -nya
12. "\_\_\_\_\_ mesti belajar bersungguh-sungguh supaya dapat melanjutkan pelajaran ke universiti," pesan Cikgu Nizam kepada Arjun.
- A Aku  
B Kamu  
C Beliau  
D Dia
13. "\_\_\_\_\_ mesti sampai ke tempat itu sebelum senja," kata Sani kepada rakan-rakannya.
- A mereka  
B kami  
C kita  
D di
14. "Ampun \_\_\_\_\_, memang benar kata-kata bendahara itu," sembah Temenggung Ibrahim kepada Sultan Mahmud.
- A tuanku  
B baginda  
C beta  
D patik
15. "Sila keluarkan buku latihan \_\_\_\_\_ sekarang", kata Cikgu Azhar kepada murid kelas Lima Setia.
- A Kami  
B Kalian  
C Kita  
D Engkau
16. Anis dan Aida melawat David yang sedang sakit. \_\_\_\_\_ membawa buah tangan untuknya.
- A Kamu  
B Kalian  
C Mereka  
D Kami
17. \_\_\_\_\_ menangis kerana perutnya sakit.
- A Dia  
B Ia  
C Baginda  
D Beta







45. "Ampun \_\_\_\_\_, pada pandangan patik, eloklah penderhaka itu dimaafkan," sembah Bendahara kepada Sultan.
- A patik  
B tuanku  
C beliau  
D beta
46. "Adakah \_\_\_\_\_ sudah bersedia untuk mendirikan khemah?" tanya ketua pengakap itu.
- A baginda  
B beliau  
C kami  
D kamu
47. Penduduk-penduduk Taman Aman sedang membersihkan longkang-longkang yang tersumbat. \_\_\_\_\_ bergotong-royong melakukan kerja-kerja tersebut.
- A Beliau  
B Kami  
C Mereka  
D Dia
48. "Dayang, sediakan santapan \_\_\_\_\_ sekarang," titah Sultan Mansur Shah.
- A aku  
B beta  
C saya  
D hamba
49. Rahman dan Swee Lan berkawan baik. Hubungan \_\_\_\_\_ rapat umpama adik-beradik.
- A mereka  
B dia  
C beliau  
D kami
50. "\_\_\_\_\_ akan memulakan latihan sekarang juga," kata Faiz dan Hakim serentak.
- A Dia  
B Kami  
C Kalian  
D Anakanda